

Ahli UMNO diingat lagi

UM 21 JUN 2009

KUALA LUMPUR 20 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan ahli UMNO supaya bersatu dan mengutamakan parti jika mahu mencapai kejayaan cemerlang pada pilihan raya umum akan datang.

Tegasnya, sikap mementingkan diri dan menyokong individu tertentu hanya akan memberi masalah kepada parti.

“Hendak inenang dan kalah ialah parti bukan individu. Kita sebenarnya adalah

ahli parti dan bukan ahli hero (individu) kita,” katanya ketika berucap pada majlis makan malam anjuran Badan Perhubungan UMNO Kelantan di kediaman Pengerusinya, Datuk Mustapa Mohamed di sini malam ini.

Dr. Mahathir pernah menjadi Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan selama 10 tahun selepas negeri itu jatuh ke tangan Pas pada pilihan raya 1990.

Beliau melepaskan jawatan itu kerana menganggap diri gagal melaksana misi merampas kembali Kelantan dari Pas.

Dr. Mahathir turut melahirkan kebimbangan bahawa masalah mengutamakan individu tertentu lebih dari parti bukan sahaja berlaku di Kelantan tetapi telah berjangkit ke negeri lain terutama Kedah.

“Di Kedah kita kalah (pada pilihan

supaya bersatu

raya 1999). Lebih separuh kerusi Parlimen di Kedah dimenangi oleh Pas.

“Ini patut dijadikan pengajaran. Kalau tidak bersatu kita akan kalah,” tegasnya.

Sebab itu katanya, yang penting ialah menyokong calon yang telah ditentukan oleh pucuk pimpinan parti.

Katanya, dalam memilih calon beliau sudah tentu tidak boleh memuaskan semua pihak.

Oleh itu, katanya, mereka yang tidak

terpilih perlu memberi sokongan kepada parti supaya menjamin kemenangan.

Sementara itu, katanya, untuk pilihan raya akan datang beliau tidak lagi bertanggungjawab untuk memilih calon kerana ia akan dilakukan oleh penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

“Tahun depan saya sudah tidak ada, Pak Lah yang akan pilih. Berilah sokongan, kalau tidak terpilih janganlah kecewa,” ujarnya.